

Kes penahanan dikait pengganas LTTE

Penahanan 12 individu ikut undang-undang: PM

BH - 14/10/2019 m/s: 3

Langkawi: "Tindakan polis menahan 12 individu termasuk dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang dikaitkan dengan kumpulan pengganas Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE) adalah mengikut lunas undang-undang," kata Tun Dr Ma-

hathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan tindakan itu juga dilakukan tanpa campur tangan pentadbirannya serta bukan bertujuan melemahkan mana-mana pihak.


"Pihak kerajaan ingin tahu apa sebab perkara ini berlaku. Kita

tidak suka guna kuasa untuk lemahkan mana-mana pihak.

"Ini bukan saya atau Muhyiddin (Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin) tangkap. Ini polis yang tangkap dan mereka ikut undang-undang yang ada," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) di sini, semalam.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) juga akan mengkaji jika tangkapan itu boleh menjejaskan peluang PH pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Tanjung Piai, bulan depan.

 Pihak kerajaan ingin tahu apa sebab perkara ini berlaku. Kita tidak suka guna kuasa lemahkan mana-mana pihak.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri